

28/07/1997

Ekonomi digital cetus perhubungan baru

ad Zaini Kamaruzzaman; Ahmad Ghazali Musa; Halim Yussof LANGKAWI, Ahad - Kemunculan ekonomi digital yang banyak mengubah cara pelaksanaan perniagaan mewujudkan keperluan konsep perhubungan baru seperti perkongsian pintar yang dipelopori oleh Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemunculan ekonomi digital memberi inspirasi kepada etos dalam pelaksanaan perniagaan sejagat.

"Suasana dunia dan peraturan perlaksanaannya sudah berubah dan ini menyebabkan asas tradisi bagi persaingan juga turut mengalami transformasi yang ketara," katanya dalam buku cenderamata LID'97 yang dikeluarkan hari ini.

Perdana Menteri berkata menjelang alaf baru ini, kombinasi teknologi tinggi dan pasaran sejagat membentuk konsep baru pelaburan dan perdagangan. Keadaan ini mewujudkan keperluan etos perniagaan baru dan konsep seperti perkongsian pintar yang diasaskan kepada "memakmurkan jiran" dan "sama-sama menang".

Katanya, konsep demikian bukan sahaja mampu membantu kerajaan dan sektor perniagaan menstruktur semula proses kerja mereka, malahan juga pemikiran rakyat.

Dr Mahathir berkata perkongsian pintar boleh wujud di kalangan pelbagai entiti. Selain kerajaan dan sektor swasta di peringkat nasional dan serantau, konsep itu juga boleh diwujudkan di kalangan individu, syarikat, bandaraya dan sebagainya.

"Saya gembira LID sudah disusuli oleh inisiatif yang sama di rantau lain seperti Dialog Antarabangsa Barbados 1996 (BID'96) untuk negara-negara kecil dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 1997 (SAID'97) di Kasane, Bostwana," katanya.

Beliau menjangka lebih banyak lagi rantau akan mengikuti inisiatif yang sama.

LID'97 adalah yang ketiga dalam siri forum informal tahunan yang diadakan di pulau pelancongan ini. Dialog tahun ini yang akan diadakan selama tiga hari bermula esok bertema "Perkongsian Pintar dalam Perlaksanaan."

Sementara itu, pengalaman pemerintahan pelbagai parti Malaysia sebagai satu contoh perkongsian pintar kemungkinan akan dibincangkan dalam satu sesi tertutup untuk ketua-ketua kerajaan dan negara di Dialog Antarabangsa Langkawi (LID'97) yang bermula esok.

Dr Mahathir yang akan mempengerusikan salah satu daripada tiga sesi tertutup itu pada Selasa ini, mungkin menyentuh mengenai sistem pelbagai parti yang diamalkan di negara ini, kata setiausaha bersama LID'97, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman di satu taklimat akhbar di sini, hari ini.

Perdana Menteri juga mungkin berkongsi pengalaman Malaysia dalam mewujudkan wawasan jangka panjang negara seperti Wawasan 2020 sebagai satu usaha menyatukan rakyat untuk mencapai maltamat bersama.

Sesi tertutup itu adalah elemen baru dalam siri LID yang diperkenalkan tahun ini. Selain ketua-ketua negara dan kerajaan, beberapa tokoh korporat terpilih akan dijemput untuk menghadiri sesi itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut akan mempengerusikan satu sesi tertutup untuk ketua-ketua negara dan kerajaan pada petang Selasa.

Menurut Pengerusi Bersama LID'97, Tan Sri Tajudin Ramli, Anwar mungkin akan berkongsi pengalaman satu lagi contoh perkongsian pintar di Malaysia

iaitu kaedah berdialog yang diamalkan oleh kerajaan dalam penyediaan belanjawan negara dan rancangan ekonomi jangka panjang.

Sesi tertutup ketiga yang akan diadakan pada Rabu ini akan dipengerusikan oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin yang mungkin akan menyentuh mengenai pengalaman Malaysia dalam Kawasan Pertumbuhan Serantau.

(END)